

# **PANDUAN MENYEDIAKAN KERTAS CADANGAN PENERBITAN BUKU**

Bagi manuskrip yang belum siap atau dalam cadangan menerbitkan buku boleh mengemukakan cadangan awal karya yang ingin dihasilkan. Pemohon boleh menghantar cadangan menerbitkan buku atau boleh mengemukakan Kertas Cadangan sendiri berdasarkan aspek-aspek berikut.

## **1. Tajuk Buku Yang Dicapangkan**

- Penulis perlu mencadangkan satu tajuk yang sesuai dan relevan dengan kandungan manuskrip supaya memberi kesan kepada pembaca.

## **2. Sinopsis (250-800 patah perkataan)**

- Sinopsis yang disediakan harus memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut :-
  - Kepentingan buku tersebut
  - Kesesuaian khalayak pembaca. Siapakah pembaca yang disasarkan?
  - Skop topic atau bab yang dimasukkan dan sebab mengapa perlu dimasukkan

## **3. Rajah, Gambar, Ilustrasi dan Kebenaran Hak Cipta**

- Penulis yang akan menggunakan rajah, ilustrasi, gambar dan sebagainya yang dipetik atau diambil daripada pelbagai sumber harus mendapat kebenaran daripada pemilik hak cipta. Jika terdapat sebarang ilustrasi, jadual, rajah atau sebagainya, ia hendaklah dinyatakan jumlah atau anggaran jumlahnya. Bagi gambar pula, penulis hendaklah menyatakan penggunaan gambar tersebut sama ada dalam bentuk hitam putih atau berwarna serta jumlah keseluruhan gambar yang digunakan bagi kedua-dua jenis.

## **4. Senarai Kandungan**

- Setiap bab yang terdapat dalam manuskrip ini hendaklah disenaraikan untuk menunjukkan struktur bab disusun secara jelas. Penulis juga perlu membuat ulasan ringkas (anggaran 100-200 patah perkataan setiap bab) yang member ganjaran tentang idea utama tentang kandungan bab tersebut.

## **5. Pengguna Sasaran**

- Ia hendaklah menyatakan pengguna sasaran tersebut sama ada untuk pelajar, lepasan ijazah, umum atau sebagainya.

## **6. Persaingan**

- Penerangan mengenai buku-buku seumpama yang terdapat di pasaran hendaklah disenaraikan. Ia hendaklah mengandungi:-
  - Nama Penulis
  - Tajuk Buku
  - Penerbit
  - Tahun Diterbitkan
  - Harga
  - Jumlah Mukasurat
- Di samping itu, penulis hendaklah menyatakan perbandingan perbezaan di antara karya beliau dan buku-buku tersebut. Penulis juga menyatakan kekuatan serta kekurangan buku-buku tersebut serta perbandingan tajuk-tajuk yang terdapat dalam setiap buku.

## **7. Tempoh Masa**

- Bagi karya yang masih lagi dalam penulisan, penulis hendaklah menyatakan tempoh masa yang diperlukan untuk menghabiskan penulisan tersebut.

## **8. Latar Belakang Penulis**

- Penulis hendaklah menyatakan ringkasan biografi seperti latar belakang pendidikan, pengalaman dan kepakaran penulis. Bagi penulis yang pernah menghasilkan karya penulisan, beliau hendaklah menyenaraikan hasil karya yang pernah diterbitkan. Sekiranya manuskrip ditulis bersama atau berkumpulan, pengarang utama perlu menyertakan latar belakang penulis-penulis lain.